

SAWIT



MPOB MENJANA PERUBAHAN INDUSTRI SAWIT

Terbit pada Sabtu minggu pertama setiap bulan

**MPIC, agensi turun padang
temui masyarakat umum**

MS 2

**Sasaran baharu, hala
tuju DKN dikaji semula**

MS 3



M P O B



Datuk Amar Douglas Uggah Embas merasmikan Palm Oil Economic Review and Outlook Seminar 2016 sambil diperhatikan Datuk Dr Sundaran Annamalai (kiri), Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar dan Datuk Dr Choo Yuen May di ibu negara, baru-baru ini.

Usaha mempertingkatkan industri sawit

» Pelbagai inisiatif diperkenalkan pastikan jana ekonomi, pendapatan negara

Oleh Fadzil Ghazali
afadzilg@mpob.gov.my

► Kuala Lumpur

Malaysia terus mengambil langkah untuk memperkasakan industri sawit bagi memastikan ia menjana pertumbuhan ekonomi dan pendapatan untuk negara secara berpanjangan.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, berkata kerajaan mengiktiraf kepentingan industri sawit memandangkan

sumbangan besarnya kepada ekonomi negara.

"Industri sawit adalah satu daripada penyumbang utama pertumbuhan ekonomi negara termasuk pembangunan luar bandar. Sebagai pengeluar kedua terbesar dan pengeksport utama minyak sawit, Malaysia mempunyai peranan penting dalam memenuhi keperluan minyak dan lemak dunia," katanya ketika merasmikan Palm Oil Economic Review and Outlook Seminar 2016 anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), di sini baru-baru ini.

Turut hadir di acara tahunan

“Industri sawit adalah satu daripada penyumbang utama pertumbuhan ekonomi negara termasuk pembangunan luar bandar”

Douglas Uggah Embas,
Menteri Perusahaan
Perladangan dan Komoditi

ini adalah Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Sundaran Annamalai; Pengerusi MPOB, Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dan Ketua Pengarah, MPOB Datuk Dr Choo Yuen May.

Bendung kejatuhan harga

Kerajaan memperkenalkan beberapa langkah pada 2015 untuk membendung kejatuhan harga minyak sawit berikutan paras stok yang tinggi dan pembelian

berkurangan dari negara pengimport sawit berikutan ketidakpastian ekonomi dunia.

Program pengadunan biodiesel sawit dan diesel petroleum ditingkatkan daripada 5 peratus kepada 7 peratus. Program B7 ini dilaksanakan sepenuhnya pada 2015 dan ini berjaya mengambil 575,000 tan minyak sawit setahun daripada pasaran.

"Program ini memaparkan usaha kerajaan ke arah mempelbagaikan penggunaan minyak sawit. Inisiatif adunan diesel sawit yang lebih tinggi daripada paras 7 peratus ke 10 peratus sedang diusahakan. Impak Program B10 akan menjana sentimen positif ke arah meningkatkan harga minyak sawit," tambah beliau.

Program tanam semula

Kerajaan juga memperkenalkan Skim Insentif Tanam Semula (SITS) 2015 pada Oktober lalu bertujuan menggalakkan pengusaha ladang menanam semula ladang tidak produktif. Skim ini ditawarkan bermula 1 Oktober 2015 sehingga hujung tahun itu dengan peruntukan RM100 juta dan bertujuan menanam semula 83,000 hektar ladang tidak produktif di seluruh negara.

"Dengan pelaksanaan program ini, dijangkakan 250,000 tan pengeluaran minyak sawit mentah dapat dikurangkan. Ini dapat mengurangkan stok dan seterusnya menstabilkan harga sawit," katanya.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, Malaysia turut memperkenalkan piawaian Malaysian Sustainable Palm Oil (MS-PO) sejak 2014 sebagai usaha meluaskan lagi pasaran minyak sawit ke negara pengimport yang mendesak pengiktirafan kemampuan.

"Kerajaan menubuhkan Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC) untuk mengawal selia dan mengurus pelaksanaan pensijilan skim MSPO," katanya.

Pada peringkat antarabangsa pula, Malaysia dan Indonesia telah menandatangani perjanjian penubuhan Majlis Negara-Negara Pengeluar Minyak Sawit atau Council of Palm Oil Producing Countries (CPOPC) semasa Persidangan Kemuncak Asean ke 27 November lalu.

Prestasi industri sawit Malaysia 2015 mencabar

Pada keseluruhan, tahun 2015 merupakan tahun yang mencabar bagi industri sawit Malaysia.

Prestasi industri sawit tahun 2015 adalah bercampur-campur dengan prestasi positif ditunjukkan dari aspek peningkatan pengeluaran minyak sawit mentah (CPO) serta peningkatan kuantiti eksport. Sementara itu, prestasi menurun dari aspek nilai eksport, stok akhir dan harga.

Pengeluaran CPO telah meningkat sebanyak 1.5% kepada 19.96 juta tan berbanding 19.67 juta tan pada tahun 2014.

Ini adalah ekor daripada pertambahan kawasan tanaman matang yang baharu mengeluarkan hasil, terutamanya di Sarawak. Pengeluaran CPO di Semenanjung Malaysia dan Sarawak mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.6% dan 7.6% kepada 10.54 juta tan dan 3.70 juta tan, masing-masing. Bagaimanapun, Sabah telah merekodkan penurunan sebanyak 5.5% kepada 5.72 juta tan.

Hasil buah tandan segar (FFB) pada tahun 2015 telah mengalami penurunan sebanyak 0.8% kepada 18.49 tan sehektar berbanding 18.63 tan sehektar untuk tahun 2014.

Penurunan ini berlaku akibat penurunan hasil FFB di Sabah sebanyak 6.3% kepada 19.99 tan sehektar berbanding 21.34 tan sehektar yang dicapai pada tahun sebelumnya. Semenanjung Malaysia dan Sarawak bagaimanapun mencatatkan peningkatan, masing-masing pada 3.1% dan 0.5% kepada 18.80 tan sehektar dan 16.21 tan sehektar.

Industri sawit telah merekodkan penurunan kadar perahan minyak (OER) sebanyak 0.8% kepada 20.46% bagi 2015. Ini dilihat berpunca daripada kejatuhan kualiti buah tandan segar (FFB) yang diproses di kilang.

Sealiran dengan peningkatan pengeluaran CPO, jumlah eksport produk sawit telah meningkat sebanyak 1.0% kepada 25.33 juta tan pada tahun 2015 berbanding 25.07 juta tan yang dieksport pada tahun 2014.

Namun begitu, akibat kejatuhan harga eksport, nilai eksport telah mencatatkan penurunan sebanyak 5.5% kepada RM60.11 bilion berbanding RM63.62 bilion yang dicatatkan pada tahun 2014.

Pendapatan eksport minyak sawit mencatatkan penurunan sebanyak 7.3% kepada RM41.23 bilion berbanding RM44.50 bilion pada tahun 2014. Sungguhpun begitu, eksport minyak sawit meningkat hanya pada kadar 0.8% kepada 17.44 juta berikutan permintaan yang meningkat, terutamanya daripada India, Turki, Filipina dan Afrika Selatan.

India telah mengekalkan kedudukannya sebagai pasaran eksport terbesar minyak sawit Malaysia bagi tahun 2015, dengan jumlah eksport ke India sebanyak 3.69 juta tan, meningkat sebanyak 13.6% berbanding tahun 2014. Ini diikuti oleh Kesatuan Eropah sebanyak 2.43 juta tan, meningkat sebanyak 0.9% berbanding tahun 2014. Eksport minyak sawit ke China bagaimanapun menyusut sebanyak 16.2% kepada 2.38 juta tan berbanding 2.84 juta tan. Sementara itu, Pakistan kekal sebagai pasaran eksport keempat terbesar produk sawit Malaysia walaupun eksport ke negara tersebut menyusut 13.3%.

Selain itu, tahun 2015 juga memperlihatkan harga bagi semua produk sawit didagangkan rendah.

Harga dagangan CPO direkodkan menyusut 9.6% kepada RM2,153.50 setan berbanding RM2,383.50 pada tahun sebelumnya. Penyusutan harga sawit banyak dipengaruhi oleh kelemahan harga minyak sayuran dunia terutamanya minyak kacang soya dan minyak biji sawi.

Di samping itu, kebimbangan pasaran terhadap kelembapan ekonomi China ditambah pula dengan kelembapan harga minyak mentah, turut mempengaruhi kejatuhan harga minyak sawit.

Tahun 2016 dijangka akan memperlihatkan pemulihan dalam harga berikutan sentimen pasaran akibat fenomena El-Nino yang mendorong harga untuk pulih.

Sementara itu, eksport juga dijangka akan meningkat pada separuh kedua tahun 2016 berikutan ramalan pemulihan dalam sektor ekonomi dan pengeluaran bagi negara-negara pengimport minyak sawit terbesar seperti China dan India.

MPOB dengan sokongan MPIC dan kerjasama industri sawit akan terus memperkenalkan tindakan bagi membantu peningkatan sektor minyak sawit hulu dan hiliran untuk mengukuhkan daya saing minyak sawit dan juga sentiasa memantau pembangunan dan melakukan tindakan diperlukan bagi meningkatkan prestasi industri minyak sawit tempatan.

Dengan kerjasama di antara pihak-pihak berkenaan, prestasi industri sawit Malaysia akan diperkukuhkan lagi pada tahun 2016.



MINDA
Datuk Dr Choo
Yuen May

Ketua Pengarah
MPOB



Datuk Amar Douglas Uggah Embas **bersalaman dengan orang ramai** yang hadir pada Program Hello Komoditi Pusa, Betong, Sarawak.

MPIC, agensi turun padang temui masyarakat umum

» Program Hello Komoditi tingkat pengetahuan sektor komoditi

Oleh Noor Asmawati Abd Samad

watie@mpob.gov.my

► Pusa, Betong

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) bersama agensi di bawahnya turun padang bagi memberi penerangan kepada pekebun kecil dan berkongsi maklumat dengan masyarakat umum berkaitan kemajuan komoditi melalui program Hello Komoditi.

Penganjuran Hello Komoditi bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat terutamanya pekebun kecil dan usahawan mengenai sektor komoditi serta peluang perniagaan yang ditawarkan.

Hello Komoditi dianjurkan oleh MPIC bersama agensi seperti Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Lembaga Getah Malaysia (LGM), Lembaga Koko Malaysia (LKM), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Lembaga Lada Malaysia (MPB) dan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN).

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas ketika berucap di majlis perasmian program itu berkata,

Hello Komoditi akan menarik minat masyarakat terutamanya para belia untuk menceburi bidang kerjaya dan keusahawanan berasaskan komoditi bagi meningkatkan taraf hidup dan ekonomi.

Katanya, Kementerian dan agensi sentiasa bersedia untuk membantu dengan menyediakan pelbagai kemudahan dan bantuan seperti program bantuan tanaman komoditi, program latihan keusahawanan dan peluang pekerjaan dalam sektor perladangan dan komoditi.

“Bagi memastikan para pekebun kecil komoditi terus berdaya maju, Kerajaan menyediakan pelbagai jenis bantuan dan insentif meliputi semua jenis komoditi. Skop bantuan yang disediakan kepada pekebun kecil amat komprehensif.

Pekebun kecil dibantu

Katanya, sebagai contoh, pekebun kecil sawit yang ingin menanam semula atau tanam baru akan dibantu dari peringkat pembersihan dan penyelenggaraan ladang, pembajakan, bantuan benih dan pokok, baja, racun sehinggalah ke proses penuaian buah serta pasaran. Bantuan yang disediakan dalam bentuk benih, baja dan wang tunai dan nilai bantuan yang disediakan pula berbeza mengikut jenis komoditi dan aktiviti yang dijalankan.

“Sudah tentunya kemudahan yang disediakan seperti ini dapat memberi manfaat kepada tuan-tuan dan puan-puan dalam meningkatkan aktiviti

ekonomi dan menjana pendapatan dan seterusnya meningkatkan taraf hidup masing-masing”, katanya.

Dalam sektor sawit, inisiatif kerajaan menubuhkan Koperasi Penanam Sawit Mampam termasuk di negeri Sarawak telah memberi peluang penyeretaan pekebun kecil bagi Amalan Pertanian Baik dan penanaman sawit secara mampan yang memberi peningkatan hasil ladang dan pendapatan.

Melalui bantuan yang disediakan kerajaan dan khidmat nasihat penanaman sawit yang disalurkan oleh MPOB melalui Pegawai TUNAS telah membantu pekebun kecil meningkatkan hasil melebihi 30 tan sehektar setahun. Ini terbukti dengan meningkatnya bilangan pekebun kecil sawit yang menyertai Ahli Kelab 30 Tan termasuk di Sarawak.

Melalui transformasi pekebun kecil melibatkan amalan yang produktif dan bantuan kerajaan yang disediakan melalui MPIC, Kerajaan menasarkkan peningkatan pendapatan pekebun kecil yang mengusahakan tanaman komoditi tidak kurang RM4,000 sebulan pada tahun 2020.

Perasmian Hello Komoditi turut dihadiri oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Beting-Maró, Razaili Gapor; ADUN Bukit Saban, Robert Lawson Chuat ak Vincent Entering; Ketua Setiausaha MPIC, Datuk Dr Sundaran Annamalai; Residen Bahagian Betong, Datu Romie Sigan Daniel; Pengerusi serta Ketua-Ketua Pengarah Agensi di bawah MPIC.



Datuk Amar Douglas Uggah Embas ketika menyampaikan amanat pada Perhimpunan Bulanan MPIC di Putrajaya, baru-baru ini.

Sasaran baharu, hala tuju DKN dikaji semula

» Kajian bagi hasilkan dasar, strategi mampu hadapi pasaran antarabangsa serta capai produktiviti tinggi

Oleh Noor Asmawati Abd Samad
watie@mpob.gov.my

Putrajaya

Hala tuju dasar dan sasaran baharu Dasar Komoditi Negara (DKN) yang kini sedang dikaji semula akan dimuktamadkan dan dibenteng kepada Jemaah Menteri dalam tempoh terdekat.

Menteri Perusahaan Perladan-

dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, melalui kajian semula DKN, hala tuju dasar dan sasaran baharu sektor komoditi akan dimuktamadkan tidak lama lagi.

Beliau berkata, dasar dan strategi bersifat *game changers* yang mampu menghadapi pasaran antarabangsa yang sungguh dinamik serta arus perubahan sains dan teknologi bagi mencapai produktiviti yang tinggi dan mencipta produk bernilai tambah tinggi yang inovatif.

“Pada masa sama, kita perlu menambah baik pangkalan data komoditi agar lebih tepat, sistematik dan berkesan,” katanya.

Menurut Datuk Amar Douglas, data yang tepat, terkini dan sentiasa dikemaskini akan memudahkan proses membuat keputusan yang berkesan dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan inisiatif, program dan projek.

Manfaat data

“Data berkenaan akan turut dimanfaatkan bagi meningkatkan hasil dan mengurangkan kos. Transformasi perlu dibuat ke arah industri yang mesra alam, menyokong pertumbuhan hijau dengan menggunakan konsep penggunaan dan pengeluaran mapan.

“Kita perlu mengorak langkah proaktif dalam pelaksanaan skim pensijilan dan penetapan piawaian yang lebih tinggi daripada piawaian antarabangsa ke arah peningkatan daya saing produk-produk komoditi negara,” katanya.

Beliau juga menyeru warga MPIC memberikan komitmen yang padu dalam mencapai sasaran baharu yang akan ditetapkan kelak dalam DKN.

“Dalam hal ini, kita perlu berfikir bukan lagi di luar kotak tetapi dalam kotak baharu, yang membolehkan kita menjana idea yang lebih inovatif dan tidak teralalu selesai dengan tahap penca-

paian dan sasaran yang hampir sama setiap tahun”, katanya.

Beliau berkata, industri komoditi negara adalah berorientasikan pasaran eksport dan harga pasaran ditentukan oleh kuasa penawaran dan permintaan di pasaran utama.

“Ketika ini, pasaran eksport utama negara masih mengalami pertumbuhan ekonomi yang perlahan.

“Oleh itu, jalinan kerjasama antarabangsa menerusi International Tripartite Rubber Council (ITRC) dan Council of Palm Oil

Producing Countries (CPOPC) adalah amat penting bagi memberi pengaruh terhadap kuasa penawaran,” ujar beliau.

Katanya, industri komoditi negara akan mendapat manfaat positif dan terbaik melalui jalinan kerjasama ini. Perjanjian perdagangan bebas seperti Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TP-PA) juga perlu dimanfaatkan sebaiknya oleh pihak industri supaya akses pasaran komoditi yang lebih luas dan kukuh dapat diperolehi.

“Dalam hal ini, *market intelligence*

atau maklumat risikan pasaran yang mantap dan tepat pada masanya adalah amat kritikal terutamanya bagi pasaran utama.

“Ia perlu sentiasa diperkukuh supaya kita mampu menangani isu pasaran terutamanya yang berbentuk bukan tarif secara proaktif,” katanya.

“Data berkenaan akan turut dimanfaatkan bagi meningkatkan hasil dan mengurangkan kos. Transformasi perlu dibuat ke arah industri yang mesra alam, menyokong pertumbuhan hijau dan pengeluaran mapan”

Douglas Uggah Embas, Menteri Perusahaan Perladan dan Komoditi

MPIC terus perkasa sektor komoditi

Oleh Noor Asmawati Abd Samad
watie@mpob.gov.my

Putrajaya: Kementerian Perusahaan Perladan dan Komoditi (MPIC) akan terus memperkasa pertumbuhan sektor komoditi negara dan meningkatkan pendapatan pengusaha terutama golongan pekebun kecil.

Hasrat itu dinyatakan Menteri, Datuk Amar Douglas Uggah Embas ketika menyampaikan amanat pada Perhimpunan Bulanan MPIC, di sini.

Katanya, tahun 2016 mempunyai pelbagai cabaran dalam usaha MPIC untuk memperkasa pertumbuhan sektor komoditi negara.

“Ini termasuk usaha bagi menangani ketidakstabilan harga produk komoditi utama dan

mengoptimalkan peruntukan Kerajaan ke arah memanfaatkan pihak berkepentingan dalam industri komoditi.

Katanya, tahun 2016 juga adalah tahun pertama pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), iaitu Rancangan Malaysia Lima Tahun yang terakhir sebelum negara disasarkan mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Guna kaedah yang inovatif

“Saya ingin menekankan bahawa pelaksanaan RMKe-11 amat kritikal bagi memastikan status itu dapat dicapai.

“Oleh itu, kita perlu menggunakan strategi dan kaedah yang inovatif bagi melaksanakan program dan projek RMKe-11 memandangkan keadaan ekonomi semasa yang sangat mencabar,” ujar beliau.

Katanya, persekitaran ekonomi

dunia dijangka akan terus mencabar bagi tahun 2016 dan seiring dengan langkah konsoliditi ekonomi yang sedang berjalan.

Beliau menyeru semua agensi di bawah Kementerian melaksanakan langkah-langkah konkrit untuk mengoptimalkan Perbelanjaan Mengurus (OE) dan Perbelanjaan Pembangunan (DE) bagi tahun 2016.

“Saya amat berharap supaya semua pihak akan memberikan komitmen dan kerjasama dalam perkara ini,” katanya.

Beliau berkata, pelaksanaan program dan projek hendaklah menepati prinsip ‘value for money, low cost and high impact’ dengan pelaksanaan pengurusan nilai dan pendekatan strategi lautan biru melalui pemantapan sinergi antara agensi bagi memastikan pengurusan sumber yang optimum.

Katanya, perancangan projek

perlu diperkukuh dan kecekapan pelaksanaan perlu dipertingkatkan serta pemantauan dan penilaian perlu ditambah baik.

“Melalui usaha ini, saya ingin menyarankan agar indeks pencapaian utama (KPI) RMKe-11 bagi pengurusan projek dapat dicapai adalah 90 peratus daripada projek yang dilaksana dapat disiapkan mengikut kos, kualiti, outcome dan tempoh masa yang ditetapkan dan 95 peratus peruntukan pembangunan dapat dibelanjakan,” katanya.

Menurut beliau, MPIC mempunyai amanah yang tinggi dalam membantu negara mencapai status negara maju berpendapatan tinggi.

“MPIC juga perlu memperkukuhkan pelaksanaan bantuan-bantuan dan program-program kepada golongan sasaran, iaitu pekebun kecil.

“Penyaluran bantuan bagi ta-

naman komoditi seharusnya dipercepatkan di samping dilengkapi dengan aktiviti pengembangan bagi membolehkan golongan sasaran menikmati faedah daripada inisiatif Kerajaan,” katanya.

Perlu kurangkan kerenah

Beliau berkata, MPIC dan agensi perlu mengurangkan kerenah birokrasi dan menambah baik proses penyampaian bagi meningkatkan kepatantasan bertindak.

“Kita perlu memperluas jangkauan perkhidmatan bersama rakyat dan media bagi menjadikan MPIC lebih berketrampilan melalui platform yang telah terbukti berkesan seperti program Mini MICCOS dan Hello Komoditi.

“MPIC, agensi dan majlis juga perlu menitikberatkan penggunaan media sosial bagi memperkukuhkan imej industri komoditi negara. Perkara ini perlu dilaksanakan dengan penuh strategi kerana medium ini berkembang dengan cepat dan pesat”, katanya.

'Game changer' untuk industri sawit

» Langkah bagi capai sasaran Pendapatan Negara Kasar RM178 bilion menjelang 2020

Oleh Fadzil Ghazali
afadzilg@mpob.gov.my

► Melaka

Industri sawit memerlukan pengenalan satu pengubah permainan atau *game changer* agar ia terus berkembang dan dapat menepati sasaran pencapaian yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Pengerusi MPOB, Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad menyarankan perkara berkenaan ketika merasmikan MPOB Senior Management Retreat 2016 di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, langkah ini perlu memandangkan sasaran sumbangan industri sawit di bawah

Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) kepada Pendapatan Negara Kasar (GNI) adalah tinggi iaitu RM178 bilion menjelang tahun 2020.

Pada tahun 2015, eksport produk sawit negara meningkat dari segi jumlah, namun susut dari segi nilai. Jumlah eksport produk sawit negara pada 2015 adalah RM60.1 bilion atau 25.3 juta tan berbanding dengan RM63.6 bilion atau 25.1 juta tan pada tahun 2014.

Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad berkata, beliau yakin pihak MPOB akan dapat mewujudkan satu *game changer* dalam industri sawit untuk memastikan prestasi industri terus meningkat dan mencapai sasaran yang ditetapkan oleh kerajaan.

Yakin kemampuan MPOB

"MPOB adalah satu organisasi cemerlang dalam industri sawit dan tiada yang sepertinya di negara lain. Penyelidik di MPOB adalah pakar dalam bidang sawit dan saya yakin dengan kemampuan MPOB," katanya.

Beliau berkata, industri sawit kini telah masuk ke era

baharu dan ini memerlukan satu pendekatan yang berlainan untuk merangsangkan pertumbuhan berterusan kepada sektor ini.

"Industri sawit kita telah matang. Kerajaan telah memperkenalkan polisi yang mantap untuk sektor ini. Ia adalah satu sektor yang terkawal dengan dasar dan perundangan dari segala sudut.

"Semuanya telah diwujudkan. Ia terserah kepada MPOB untuk melaksanakannya dan terus mengukuhkan sektor ini," katanya.

Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad turut memperingatkan agar aktiviti mempromosi barangan sawit perlu juga dilaksanakan di dalam negara.

"Kita tidak mahu berlakunya situasi di mana rakyat luar negara lebih memahami kebaikan minyak sawit berbanding dengan rakyat tempatan. Program bertemu dengan masyarakat umum perlu dilaksanakan untuk mengelak wujudnya jurang perbezaan dalam kefahaman mengenai kebaikan minyak sawit," katanya.

Program Senior Management



Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar berucap ketika merasmikan MPOB Senior Management Retreat 2016 di Melaka, baru-baru ini.

“Semuanya telah diwujudkan. Ia terserah kepada MPOB untuk melaksanakannya dan terus mengukuhkan sektor ini”

Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, Pengerusi MPOB,

Retreat adalah program tahunan anjuran MPOB untuk menganalisa prestasi dan melakarkan strategi tahunan untuk organisasi itu.

Setiap bahagian dan unit di bawah MPOB akan membentangkan pencapaian dan perancangan masing-masing sepanjang program ini untuk dianalisa oleh pihak pengurusan kanan MPOB.

Program berkenaan turut dihadiri Ketua Pengarah MPOB, Dato' Dr Choo Yuen May.

Aktiviti pembangunan dorong pencapaian industri sawit

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Kuala Lumpur: Pencapaian dan prestasi industri sawit Malaysia turut dipengaruhi oleh beberapa kemajuan dan pembangunan penting sepanjang tahun 2015.

Ketua Pengarah MPOB, Dato' Dr Choo Yuen May ketika membentangkan kertas kerja di Palm Oil Economic Review and Outlook Seminar 2016 berkata, antara pembangunan berkenaan termasuk pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), Skim Insentif Tanam Semula (SITS) 2015, Program Biodiesel, Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO), penubuhan Majlis Negara-negara Pengeluar Minyak Sawit (CPOPC) dan Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA).

Katanya, pelaksanaan GST bermula 1 April 2015 melibatkan semua sektor dalam industri sawit kecuali minyak masak yang di niagakan kurang 20 kg serta barangan eksport.

Selain itu, bagi meminimumkan impak GST terhadap pekebun kecil sawit, Skim Kadar Rata (SKR) diperkenalkan dengan tambahan sebanyak 2 peratus pada harga buah tandan segar.



Datuk Dr Choo Yuen May ketika membuat pembentangan kertas kerja mengenai prestasi industri sawit negara.

"Bagi memaklumkan mengenai pelaksanaan GST dan SKR, MPOB bersama Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Kementerian Kewangan (MoF) dan Jabatan Kastan Diraja Malaysia (Kastam) bekerjasama menganjurkan seminar, taklimat

dan dialog di seluruh negara.

Langkah stabilkan harga

"Pelaksanaan SITS 2015 yang dilancarkan pada Oktober 2015 pula bertujuan mengurangkan stok bagi menstabilkan harga minyak sawit dengan sasaran sebanyak

83,000 hektar kawasan dengan intensif berjumlah RM100 juta.

Katanya, permohonan bagi SITS 2015 telah pun ditutup pada 30 Oktober 2015.

"Bagi menstabilkan harga minyak sawit, kerajaan turut memperluas program biodiesel sawit bagi sektor pengangkutan ke negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan pada tahun 2015.

"Sehingga kini terdapat 35 pusat pengadunan biodiesel di seluruh negara dengan sasaran penggunaan 575,000 tan minyak sawit setahun bagi penghasilan biodiesel.

Selain itu beliau berkata, bagi memastikan industri sawit melaksanakan amalan secara mampan, kemajuan skim pensijilan MSPO yang dicapai amat menggalakkan.

"Sehingga Disember 2015, sebanyak 11 syarikat perladangan, 31 ladang dengan keluasan 78,320 hektar telah pun mempunyai sijil MSPO.

"Bagi sektor pengilangan, sebanyak 11 syarikat dan 12 kilang telah memilik sijil MSPO. Sementara itu, sebanyak tujuh kelompok pekebun kecil sawit dengan keluasan berjumlah 5,197 hektar juga menyertai skim pensijilan MSPO.

Katanya, sebuah badan kerajaan bebas dikenali Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (Malaysian Palm Oil Certification Council - MPOCC) ditubuhkan bagi melaksanakan skim pensijilan MSPO.

CPOPC main peranan penting

Beliau turut menyentuh mengenai penubuhan CPOPC yang berperanan melindungi, menggalak, membangun dan mengukuhkan kerjasama dalam industri sawit di kalangan negara-negara anggota.

"CPOPC akan membangun dan mewujudkan rangka kerja global bagi minyak sawit mampan; menggalakkan kerjasama dan pelaburan dalam membangunkan zon industri sawit mampan dan mesra alam; mengatasi cabaran dan halangan perdagangan minyak sawit.

"Selain itu, ia akan membuka peluang bagi kerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan sebagaimana yang dianggap perlu demi kepentingan industri minyak sawit.

Menyentuh berkaitan pelaksanaan TPPA, beliau berkata perjanjian itu dijangka bakal memberi impak positif dan membuka pasaran yang lebih luas bagi produk komoditi negara apabila dilaksanakan kelak.

Program Sejiwa Senada di Sibu disambut baik

» **Catat kehadiran 30,000 pengunjung sepanjang program**

Oleh **Fadzil Ghazali**
afadzilg@mpob.gov.my

Sibu
Dataran Bandar Sibu di sini berubah wajah pada pertengahan bulan lalu apabila menjadi lokasi pusingan kedua Program Sejiwa Senada 2015. Pusingan pertama program pemimpin bertemu rakyat ini berlangsung seminggu sebelumnya di Miri. Puluhan khemah dinaikkan se-

bagi ruang pameran untuk agensi kerajaan negeri dan kerajaan pusat serta agensi di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Turut bersama mempamerkan perkhidmatan dan produk masing-masing adalah persatuan perniagaan dan peniaga kecil Sibu.

Pelancaran disempurnakan oleh Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem yang turut mengumumkan kepada hadirin bahawa kerajaan Sarawak akan terus memberi penekanan kepada pembangunan luar bandar sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi Bumi Kenyalang.

Program tahunan Sejiwa Senada yang bermula sejak tahun 2010 ini adalah satu transformasi Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak yang memabitkan kerajaan turun padang bertemu dengan rakyat demi merapatkan hubungan kerajaan negeri dan per-

sekutuan dengan segenap lapisan masyarakat.

Tingkat interaksi dua hala

Program ini dijangka dapat meningkatkan interaksi dua hala yang efektif antara kedua-dua pihak, di samping memberi kefahaman kepada rakyat mengenai usaha berterusan kerajaan dalam penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat Sarawak.

Bandar raya Miri adalah destinasi pertama program itu yang berlangsung dari 8 hingga 10 Januari ini diikuti Sibu (15 hingga 17 Januari), Mukah (12 hingga 14 Februari), Sarikei (19 hingga 21 Februari), Saratok (26 hingga 28 Februari) dan Kapit (4 hingga 6 Mac).

Lebih 80,000 pengunjung melawat Program Sejiwa Senada semasa diadakan di Miri sementara Sibu pula berjaya merekodkan kehadiran seramai 30,000 orang.



Datuk Amar Douglas Uggah Embas bersalaman dengan pengunjung program.

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) turut serta dalam Program Sejiwa di Sibu dan berjaya menggunakan platform ini untuk memberi penerangan kepada pengunjung mengenai perkhidmatan dan peranan MPOB dalam membangunkan industri sawit negara.

Di samping mempamerkan produk berasaskan sawit, MPOB turut membuka kaunter pendaftaran dan pelesenan sebagai usa-

ha memudahkan pekebun kecil sawit mendaftarkan diri serta mendapat maklumat mengenai perkara-perkara berkaitan dengan perundangan sektor itu.

Sehingga akhir Disember 2015, terdapat sejumlah 30,121 pekebun kecil di Sarawak dengan jumlah saiz ladang seluas 169,625.88 hektar. Daripada jumlah ini, 1,818 pekebun kecil berdaftar di Sibu dengan keluasan ladang berjumlah 9,866.96 hektar.

Eksport minyak sawit ke AS perlu patuhi FSMA

Oleh **Eliza Johari dan Johari Minal**
elyzajoe@mpob.gov.my
johari@mpob.gov.my

Bangi: Pengeksport minyak sawit dan makanan ke negara Amerika Syarikat (AS) hendaklah mematuhi Akta Pemodenan Keselamatan Makanan (FSMA) yang ditandatangani Presiden negara itu, Barack Obama pada 2 Januari 2011.

Kenyataan itu ditegaskan Ketua Pengarah MPOB Datuk Dr Choo Yuen May dalam ucapan beliau sempena Bengkel FSMA anjuran MPOB, di sini baru-baru ini. "Kegagalan mematuhi FSMA boleh menyebabkan konsainan dan kargo dihalang daripada memasuki negara AS.

"Pasaran AS adalah salah satu pasaran penting kepada industri minyak sawit Malaysia. Pada tahun 2015, Malaysia telah mengeksport sejumlah 1,159,000 tan produk sawit ke Amerika Syarikat yang juga bernilai sebanyak RM3.562 bilion," katanya.

Beliau berkata, penganjuran bengkel berkenaan



Datuk Dr Choo berucap merasmikan **bengkel FSMA**.

bertepatan bagi memberi peluang kepada peserta memahami lebih mendalam tentang FSMA di AS.

"Matlamat utama pihak US Food and Drug Administration (USFDA) mengadakan FSMA adalah bertujuan mencegah sebarang masalah keselamatan makanan sebelum ia berlaku.

"Ia akan mengukuhkan sistem keselamatan makanan di AS di mana peraturan baru ini akan diguna pakai untuk semua makanan sama ada yang dihasilkan dalam negara AS mahu pun yang diimport," katanya.

Beliau berkata, pembekal dan pengeksport minyak sawit ke pasaran AS dikehendaki untuk mematuhi semua prosedur dan kehen-

dak peraturan baru tersebut untuk keseluruhan rantaian bekalan (supply chain).

Sejak tahun 2014, USFDA mengeluarkan beberapa cadangan peraturan keselamatan makanan untuk ulasan orang ramai.

Peraturan teras FSMA adalah:

- Kawalan pencegahan untuk makanan manusia;
- Kawalan pencegahan untuk makanan haiwan;
- Keselamatan pengeluaran;
- Program pengesahan pembekal asing;
- Akreditasi pensijilan pihak ketiga;
- Kawalan pencemaran yang disengajakan; dan
- Kebersihan pengangkutan

PENGUMUMAN

KURSUS OPERASI MEKANISASI LADANG (KOML)






KURSUS OPERASI MEKANISASI LADANG (KOML)

- Kursus ini diiktiraf sebagai Pusat Bertauliah oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) untuk Kursus Operasi Mekanisasi Ladang Sawit Tahap 2, 3 dan 4
- Bertujuan untuk melahirkan generasi baru yang berkemahiran tinggi dalam bidang mekanisasi ladang selaras dengan hasrat kerajaan untuk memantapkan modal insan negara

YURAN

- RM3500. Kemudahan bantuan kewangan boleh diruskan bagi mereka yang layak

OBJEKTIF

- Memberi pendedahan kepada pelatih dari segi teori serta penekanan yang lebih kepada aspek praktikal berkenaan mekanisasi di ladang sawit
- Bermatlamat untuk melahirkan warga kerja yang cekap dan terlatih

LOKASI

KM 137, Lebuhraya Segamat, Kuantan
Peti Surat No.24, Pejabat Pos Bandar Tun Razak,
26900 Bandar Muadzam Shah, Pahang

SYARAT KEMASUKAN

- Warganegara Malaysia
- Berumur 17 hingga 55 tahun
- Tamat SPM/SPM(V) atau yang setaraf dengannya atau mempunyai dua tahun pengalaman bekerja di sektor perladangan/penjenteraan

CARA MEMOHON

- Pemohonan hendaklah menggunakan borang yang dilampirkan atau borang yang dimuat turun dari laman web MPOB (www.mpob.gov.my)
- Sertakan bersama satu salinan kad pengenalan pemohon, salinan sijil SPM/SPM(V) atau yang setaraf yang telah disahkan atau surat pengesahan majikan bagi mereka yang berkenaan

MAKLUMAT LANJUT DAN PERTANYAAN, SILA HUBUNGI:

MOHD SOLAH DERAMAN solah@mpob.gov.my
SITI BALGIS JAAFAR balqis@mpob.gov.my
Tel: 09-4514400 samb. 4402/4401 Faks: 09-4514405
RUBAAB MASRI rubaah@mpob.gov.my
Tel: 03-89267046 Faks: 03-89257549



M P O B

ARTIKEL TEKNOLOGI PEMENANG ANUGERAH MEDAL EMAS SIIF 2015

Penggunaan batang sawit untuk pengeluaran MDF

» Kelebihan produk MDF ialah mempunyai permukaan lebih rata, ketumpatan tinggi dan mudah dimesin

Oleh Zawawi Ibrahim
zawawi@mpob.gov.my

Papan gentian berketumpatan sederhana (medium density fiberboard, MDF) adalah produk komposit yang dihasilkan daripada pencampuran optimum kandungan gentian kayu, bahan penebat air dan perekat, dan melalui proses pemampatan menggunakan suhu dan tekanan tinggi.


Kelebihan produk MDF berbanding papan lapis (plywood) atau papan serpai (particleboard) ialah mempunyai permukaan yang lebih rata, ketumpatan tinggi dan mudah dimesin untuk penghasilan pelbagai produk perabot.

Produk ini mempunyai permintaan yang tinggi terutamanya daripada industri perabot dan bangunan.

Industri MDF di Malaysia

Dalam tahun 2014, Malaysia mempunyai keluasan tanaman sawit sejumlah 5.392 juta hektar. Daripada keluasan ini, dianggarkan sebanyak lebih 90 juta tan bahan biojisim sawit dihasilkan.

Biojisim batang sawit diperoleh semasa



MDF memiliki kelebihan dan pelbagai kegunaan berbanding papan lapis.

aktiviti tanam semula selepas pokok berusia lebih 25 tahun dan dianggarkan aktiviti penanaman semula ini dijalankan pada kadar 3-5% dari keluasan tanaman sawit setiap tahun.

Ini menyumbang kepada ketersediaan batang sawit yang banyak sehingga boleh mencecah 20.08 juta tan (berat kering) pada tahun tersebut.

Batang sawit mempunyai potensi yang

besar untuk digunakan sebagai sumber bahan mentah alternatif MDF kerana sifat seratnya, serta mempunyai ciri-ciri kandungan kimia dan warna yang sama dengan serat kayu getah.

Kayu getah adalah sumber bahan mentah utama bagi pengeluaran MDF di Malaysia. Ia bukan sahaja digunakan untuk pengeluaran MDF tetapi juga sebagai bahan utama untuk produk lain seperti papan untuk perabot dan papan serpai.

Disebabkan permintaan yang tinggi, bekalan kayu getah telah berkurangan dan menyebabkan harga bahan mentah ini semakin mahal.

Kolaborasi dengan Dongwha

Sejak tahun 1990 an, MPOB menjalankan kajian dan membangunkan teknologi untuk menghasilkan MDF daripada batang sawit, pelepah dan tandan kosong.

Melihat kepada potensi biojisim sawit, pada tahun 2009 syarikat Dongwha Fibreboard (M) Sdn Bhd menandatangani perjanjian kolaborasi dengan MPOB untuk membangunkan teknologi pembuatan MDF menggunakan serat batang sawit sebagai campuran dengan serat kayu getah.

Campuran optimum batang sawit dengan kayu getah

Penyelidikan dan pembangunan (R&D) prakomersial dijalankan di loji rintis MDF MPOB Bangi Lama di mana beberapa parameter proses dikaji termasuk kadar percampuran optimum batang sawit dengan kayu getah dan campuran kayu tropikal, kandungan perekat dan beberapa proses lain.

Hasil penyelidikan berjaya menghasilkan produk MDF yang dapat memenuhi piawaian antarabangsa (EN 322-6,2006).

Percubaan di peringkat komersial juga dilakukan di kilang Dongwha menggunakan batang sawit pada kadar peratusan cam-

puran dengan kayu getah yang berbeza.

Produk MDF yang dihasilkan didapati memenuhi piawaian antarabangsa dan juga piawaian Dongwha.

Ini memberi keyakinan kepada syarikat Dongwha untuk mengkomersialkan MDF yang menggunakan batang sawit sebagai sumber alternatif.

Berikutan penyelidikan itu, MPOB dan Dongwha memfailkan satu paten untuk teknologi pembuatan MDF daripada batang pokok sawit.

Di Malaysia, syarikat Dongwha mempunyai tiga kilang yang terletak di Nilai, Merbok dan Kulim dan dianggarkan penggunaan batang sawit bagi ketiga-tiga kilang adalah sebanyak 6000 tan sebulan dengan 10% campuran batang sawit.

Bagi memastikan daya maju pengkomersialan produk MDF, isu-isu mengenai bekalan biojisim sawit dan logistik perlu diselesaikan.

Dalam kajian ini juga, MPOB dan Dongwha telah mengkaji rantaian bekalan biojisim sawit dan mengadakan pelbagai perbincangan dengan pihak peladang dan pengilang untuk memastikan bekalan biojisim sawit sentiasa ada.

Pengiktirafan teknologi

Projek ini mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Pada tahun 2015, ia telah mendapat anugerah 'Best of the Best' dan pingat emas di pertandingan MTE 2015 bertempat di PWTC Kuala Lumpur, dan turut memenangi anugerah istimewa daripada 'Korean Institute of Patent Information' dan pingat emas di pertandingan 'Seoul International Invention Fair' di Seoul Korea.



Jentera Penyuntik Batang Sawit dapat melakukan kerja menyuntik dengan lebih cekap dan berkesan.

dihasilkan dalam tempoh lima tahun tersebut.

Pengiktirafan

Teknologi jentera penyuntik ini berjaya memenangi pingat di International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) ke-25 yang diadakan di Kuala

Lumpur Convention Centre pada Mei 2014 dan Pingat Emas di Seoul International Invention Fair (SIIF) yang berlangsung di Korea Selatan pada November 2015 yang lepas. Jentera ini juga diperkenalkan bagi tujuan komersial pada Seminar Perpindahan Teknologi (Transfer of Technology - TOT) yang diadakan di MPOB pada 2014.

Jentera penyuntik kawalan penyakit reput pangkal sawit

Oleh Abdul Razak Jelani, Mohd Ikmal Hafizi Azaman, Aminulrashid Mohamed dan Mohamed Fauzi Ismail

MPOB memperkenalkan jentera penyuntik yang dapat melakukan suntikan yang lebih cepat dan berkesan yang dikenali sebagai 'Jentera Penyuntik Batang Sawit'. Jentera ini terdiri mata gerudi yang dipacu menggunakan kuasa hidraulik untuk menggerudi batang sawit dan nozel penyuntik bahan kimia yang juga dikawal menggunakan kuasa hidraulik.

Kedua-dua komponen utama ini dipasangi di atas sebuah platform yang diletakkan di bahagian hadapan traktor. Seluruh operasi penggerudian dan suntikan racun kulat dikawal dari tempat duduk pemandu. Pergerakan peralatan itu dilakukan dengan gabungan sistem mekanikal dan hidraulik yang memerlukan kawalan oleh seorang operator.

Inovasi yang dihasilkan ini adalah bagi mengawal penyakit reput pangkal batang pokok sawit (RPB).

Berdasarkan kajian di sektor estet pada tahun 2009-2010, kira-kira 3.71% kawasan

(59,148 hektar daripada 594,286 hektar) diserang penyakit RPB yang disebabkan oleh kulat Ganoderma boninense.

Manakala bagi pekebun kecil, kajian yang dijalankan di kawasan tanaman sawit lebih dari 25 tahun pada tahun 2011 -2013, mendapati 8.05% (2,744.96 hektar daripada 34,067.88 hektar) telah dijangkiti penyakit RPB. Kadar peningkatan jangkitan ini dari tahun ke tahun amat membimbangkan industri sawit negara.

Justeru, MPOB dengan kerjasama beberapa syarikat swasta mempergiatkan kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi mencari penawar atau sekurang-kurangnya mengawal jangkitan penyakit ini daripada tersebar.

Salah satu kaedah yang berjaya dihasilkan ialah dengan menyuntik racun kulat ke dalam batang sawit yang diserang penyakit ini.

Suntikan racun kulat dijangka dapat mengawal sebaran kulat ini daripada tersebar ke tisu-tisu lain di dalam batang pokok yang telah terkena jangkitan tersebut.

Ujian Ladang

Jentera ini diuji di sebuah ladang seluas 100 hektar ditanam sawit pada tahun 2002

yang telah mula dijangkiti Ganoderma boninense. Dalam percubaan ini, 90 ml racun kulat hexaconazole dicampurkan bersama 10 liter air berdasarkan pengesyoran oleh Unit Ganodrop MPOB.

Tekanan suntikan kadar 20 bar

Tekanan suntikan ditetapkan pada kadar 20 bar untuk memastikan sebaran yang menyeluruh dalam batang pokok sawit. Ujian mendapati jentera penyuntik ini mampu menyuntik dalam masa 2.5 minit sepokok sawit atau 24 pokok sejam atau 120 - 150 pokok sehari (4 - 5 jam kerja sehari).

Jumlah masa yang direkodkan ini adalah termasuk menggerudi lubang, menetapkan kedudukan penyuntik ke dalam lubang yang ditebuk dan menyuntik bahan kimia ke dalam batang sawit serta persediaan jentera bergerak ke pokok sawit lain.

Keupayaan ini adalah lapan kali ganda lebih pantas berbanding kaedah konvensional yang memerlukan masa selama 20 minit sepokok iaitu hanya 3 pokok sejam.

Satu lagi kajian yang dijalankan di sebuah ladang di Kluang Johor milik Felcra Berhad mendapati jentera ini berupaya

menyuntik pokok yang telah diserang Ganoderma pada kadar 75 pokok sehari.

Bagaimanapun ia menggunakan kadar banchuan yang berbeza dari ujian pertama yang dinyatakan sebelum ini. Kadar banchuan yang disyorkan oleh Unit Ganodrop ini ialah campuran 90ml liter hexaconazole dilarut ke dalam 7 liter air.

Jentera ini mudah dikendalikan dan penggunaannya dapat membantu pekerja mengurangkan keletihan kerana tidak perlu lagi memikul tangki air jika menggunakan kaedah konvensional. Teknologi ini juga dapat mengurangkan bilangan pekerja dengan ketara dengan kos operasi yang munasabah iaitu kira-kira RM1.40 sepokok.

Nilai Komersial

Jentera penyuntik ini mempunyai potensi untuk dikomersialkan kerana penyakit RPB merupakan satu ancaman kepada industri sawit negara pada masa kini.

Sekiranya tidak dikawal secara teratur, industri sawit dijangka mengalami kerugian besar.

Penggunaan jentera ini akan membantu industri sawit mengurangkan kadar kematian pokok sawit dan seterusnya meningkatkan hasil dan pendapatan.

Sekiranya hasil satu hektar adalah 20 tan/tahun, dianggarkan sebanyak 4 juta tan buah tandan segar (BTS) setahun akan dihasilkan oleh kawasan terbabit.

Jika hayat pokok sawit dapat dipanjangkan kepada lima tahun, bermakna sebanyak 20 juta tan BTS dianggarkan akan



Poliuretana dihasilkan daripada minyak masak terpakai.

Kitar semula: Poliuretana daripada minyak masak terpakai

Oleh Tuan Noor Maznee Tuan Ismail
maznee@mpob.gov.my

Malaysia menghasilkan 19.67 juta tan minyak sawit mentah pada tahun 2014. Kegunaan utama minyak sawit adalah dalam penyediaan makanan iaitu lebih 85% dan bakinya digunakan dalam pembuatan produk bukan makanan seperti sabun, lilin dan biodiesel.

Goreng menggoreng adalah cara penyediaan makanan yang paling popular terutama di Malaysia. Dianggarkan lebih 10 juta tan minyak masak terpakai dihasilkan pada tahun 2014 jika 60% daripada minyak sawit digunakan untuk aktiviti penggorengan.

Minyak masak terpakai tidak boleh digunakan semula dalam penyediaan makanan kerana kajian saintifik membuktikan wujud bahan kimia toksik di dalam minyak masak terpakai hasil proses oksidasi semasa aktiviti penggorengan.

Justeru ke mana perginya 10 juta tan minyak masak terpakai ini?

Seperti sedia maklum, pembuangan minyak masak terpakai jika tidak diuruskan dengan baik boleh menyebabkan pencemaran alam sekitar dan seterusnya memudaratkan kesihatan.

Terdapat beberapa pusat pengumpulan minyak masak terpakai di negara ini, antaranya di Melaka, Selangor dan Putrajaya. Bagaimanapun, lebih banyak pusat pengumpulan minyak masak terpakai perlu diwujudkan.

Penyelidikan dan pembangunan

Penyelidikan dan pembangunan untuk mengkaji kegunaan minyak masak terpakai telah dijalankan oleh Bahagian Kemajuan Teknologi Oleokimia, MPOB.

Minyak masak terpakai ditukarkan kepada polioli melalui dua jenis tindak balas kimia, iaitu tindak balas epoksidasi dan diikuti dengan tindak balas alkoholisis.

Sebelum tindak balas epoksidasi dijalankan, minyak masak terpakai yang dikumpul ditapis terlebih dahulu untuk mengasingkan sisa pepejal dan ujian nilai iodin dilakukan untuk mengetahui bilangan ikatan dubel yang terkandung di dalam minyak masak terpakai.

Bilangan ikatan dubel ini menjadi asas bagi pengiraan amaun asid formik dan hidrogen peroksida yang akan digunakan semasa tindak balas epoksidasi.

Gegelang oksiran yang terbentuk semasa

tindak balas epoksidasi dibuka ikatannya dengan menggunakan alkohol seperti etilena glikol, propilena glikol, butanediol dan sebagainya dengan kehadiran mangkin melalui tindak balas yang dipanggil tindak balas alkoholisis.

Polioli yang dihasilkan mempunyai kualiti yang sama dengan polioli yang disediakan menggunakan minyak sawit olein.

Paten bagi teknologi penghasilan polioli daripada minyak masak terpakai difail di Britain dan Amerika Syarikat, masing-masing pada tahun 2008 dan 2013.

Bentuk busa poliuretana

Polioli yang dihasilkan terbukti boleh digunakan untuk membentuk busa poliuretana sama ada busa tegar, busa fleksibel berlanjutan tinggi atau viskoelastik yang juga dikenali sebagai busa memori, bergantung kepada formulasi busa.

Dalam formulasi busa poliuretana, polioli bertindak balas dengan isosianat dengan dibantu oleh mangkin, surfaktan, agen tautsilang dan juga agen peniup.

Kebiasaannya, beberapa jenis polioli digunakan dalam formulasi busa poliuretana untuk memperoleh hasil yang optima.

Busa poliuretana mempunyai aplikasi yang sangat luas dalam kehidupan harian kita.

Busa poliuretana tegar banyak digunakan sebagai bahan penabak di dalam peti sejuk, bilik dingin dan juga produk hiasan (ornamental), manakala busa poliuretana fleksibel banyak digunakan di dalam industri pembuatan perabot, tilam dan bantal.

Busa poliuretana yang dihasilkan mempunyai kualiti yang setara dengan busa poliuretana yang dihasilkan daripada polioli sawit olein.

Teknologi ini telah berjaya memenangi pingat emas di Pameran Rekacipta Antarabangsa Seoul (SIIF) yang diadakan di Seoul, Korea pada tahun 2015.

Selain itu, teknologi penghasilan polioli daripada minyak masak terpakai ini juga telah memenangi pingat perak di Pertandingan Inovasi dan Rekacipta (ITEX), 2014 dan menjuarai Kumpulan Kreatif & Inovatif (KIK) peringkat Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) bagi kategori teknikal pada tahun 2013 serta meraih pameran terbaik KIK peringkat kebangsaan yang diadakan di Kuching, Sarawak pada tahun yang sama.

Oleh itu, penting bagi kita mengumpul minyak masak terpakai dan menghantar ke pusat-pusat pengumpulan yang disediakan. Minyak masak terpakai ini ada kegunaannya.

ARTIKEL TEKNOLOGI PEMENANG ANUGERAH MEDAL GANGSA SIIF 2015

Cantas tingkat produktiviti tuaian sawit

» Kaedah lebih praktikal jimatkan masa, kurangkan kos

Oleh Abdul Razak Jelani, Mohd Rizal Ahmad, Mohd Ikmal Hafizi, Yosri Gono, Zahara Mohamed, Asyraf Aziz, Asyraf Aduka dan Mohd Syahmin Sukawai



Cantas memudahkan kerja-kerja menuai sawit.

Teknologi Alat Pemotong Sawit Bermotor (Cantas)

Pemotong sawit bermotor yang dikenali sebagai 'Cantas' diperkenalkan oleh MPOB pada tahun 2007. Penggunaan Cantas disasarkan untuk pokok sawit dengan aras tuai di bawah ketinggian 7 meter. Cantas dipaten di enam buah negara iaitu Malaysia, Thailand, Indonesia, Brazil, Colombia dan Costa Rica bagi melindungi harta intelek (IP) teknologi yang dibangunkan oleh MPOB.

Prestasi Cantas

Kajian yang dijalankan di beberapa buah estet di Malaysia mendapati secara puratanya Cantas mampu meningkatkan produktiviti tuaian dari 3.4 tan (sabit manual) kepada 6.75 tan buah tandan segar (BTS) sehari; dan seterusnya meningkatkan produktiviti seorang pekerja dari 1.7 tan (manual) kepada 2.2 tan BTS sehari iaitu peningkatan kira-kira 30 peratus berbanding penggunaan kaedah manual yang meng-

gunakan sabit sebagai alat penuai dan *wheel barrow* sebagai alat mengangkut BTS.

Sebagai perbandingan, satu kumpulan Cantas (3 orang: 1 penuai dan 2 pembantu) secara puratanya berupaya menuai kawasan seluas 10 ha sehari (3.3 hektar seorang sehari), manakala kumpulan penuai manual menggunakan sabit (2 orang: 1 penuai dan 1 pembantu) hanya berupaya menuai kawasan seluas 4 hektar sehari (2 hektar seorang sehari).

Penggunaan Cantas dapat meningkatkan nisbah pekerja kepada tanah pada kadar kira-kira 50 peratus berbanding kaedah manual, iaitu peningkatan nisbah dari 1:20ha kepada 1:32ha.

Ini seterusnya dapat meningkatkan pendapatan pekerja dan mengurangkan bilangan pekerja di ladang yang kebanyakan masa bergantung kepada pekerja asing.

Justeru, bagi menangani keber-

gantungan kepada pekerja asing, salah satu cara yang efektif ialah dengan mempraktikkan kaedah mekanisasi.

Ia telah dibuktikan oleh banyak negara barat di mana mekanisasi dapat meningkatkan produktiviti pekerja dan seterusnya mengurangkan keperluan tenaga pekerja dengan signifikan.

MPOB memperkasakan usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) termasuk penambahbaikan teknologi Cantas agar kualiti dan ketahanannya menepati piawaian yang telah ditetapkan dan kos efektif.

Tumpuan R&D difokuskan kepada maklum balas pengguna Cantas seperti masalah kualiti, ketahanan, berat, getaran tinggi dan capaian yang terhad.

MPOB menetapkan tiga strategi penting bagi mencapai sasaran kerajaan untuk menggalakkan penggunaan Cantas oleh pihak

industri sawit secara meluas seperti digariskan di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang menekankan peningkatan produktiviti pekerja dan pengurangan pekerja asing.

Strategi berkenaan ialah (i) memperkasakan kegiatan R&D penambahbaikan Cantas; (ii) kawalan kualiti yang ketat; dan (iii) latihan penggunaan dan pembaikan Cantas kepada golongan sasaran.

Latihan penggunaan Cantas kepada operator dapat memastikan produktiviti tuaian yang optimum dan mengurangkan kerosakan Cantas, manakala latihan servis dan pembaikan kepada mekanik akan dapat memastikan Cantas sentiasa dalam keadaan baik.

Pembangunan Cantas Evo

Usaha penambahbaikan Cantas yang dijalankan sejak pertengahan tahun 2012 telah menghasilkan satu teknologi Cantas generasi baharu atau dikenali sebagai Cantas Evo yang menampilkan beberapa ciri baru yang menumpukan aspek kualiti, ketahanan, pengurangan berat dan capaian tinggi.

Beberapa prototaip Cantas Evo diuji di beberapa ladang komersial bagi menilai prestasi dan ketahanannya. Prototaip Cantas Evo telah diuji di lapangan melebihi 600 jam atau bersamaan dengan lima bulan tanpa mengalami masalah yang serius.

Ia juga telah diuji di makmal dan telah melepasi kesemua prosedur yang ditetapkan iaitu ujian jatuhan, ujian kelesuan (fatigue) dan ujian ketahanan (endurance). Kawalan kualiti yang ketat ini

penting bagi memastikan ia menepati piawaian yang telah ditetapkan oleh MPOB.

Ciri-ciri Ter maju Cantas Evo

Kepala pemotong (cutting head) dengan reka bentuk baru yang lebih berkualiti dan tahan dilengkap dengan pemegang boleh laras (adjustable holder). Ia juga mudah untuk diservis dan diperbaiki kerana rekabentuknya yang mudah. Ia juga dilengkapi dengan pemegang 'universal' bagi membolehkan pemasangan sabit atau pahat dilakukan dengan mudah dan cepat.

Pelaras ketinggian reka bentuk baharu yang lebih berkualiti dan tahan diperbuat dari bahan aloi aluminium yang lebih ringan.

Penggunaan galah gentian karbon dapat mengurangkan berat sebanyak 20 peratus berbanding galah aluminium.

Ia juga dapat meningkatkan kekakuan (stiffness) yang merupakan satu ciri penting dalam reka bentuk Cantas capaian tinggi. Cantas Evo dapat mencapai ketinggian maksimum aras tuai 8m berbanding 5m oleh versi Cantas sebelum ini.

Pengiktirafan

Teknologi Cantas telah berjaya memenangi pingat gangsa di Seoul International Invention Fair (SIIF) yang dilangsungkan di Korea Selatan pada November 2015 yang lepas. Ia juga telah memenangi Anugerah Ketua Pengarah MAMPU dan Pengarah INTAN di Persada Inovasi Negara yang telah dilangsungkan di Kuantan Pahang juga pada November 2015 yang lepas.

Penghasilan zink gliserolat untuk pelbagai kegunaan

Oleh Cheong Mei Yee
cheongmy@mopob.gov.my

Proses penghasilan biodiesel dan sabun menghasilkan gliserol sebagai produk sampingan.

Gliserol yang dihasilkan daripada minyak sawit adalah selamat, halal, bermutu tinggi, tulen dan digunakan sebagai humektan atau pelembab dalam barangan kosmetik, farmaseutikal, ubat-ubatan, industri makanan dan lain-lain.

Kemunculan industri biodiesel telah mengakibatkan pengeluaran gliserol yang tinggi sehingga harganya menurun.

Oleh itu, MPOB sentiasa berusaha mempelbagaikan kegunaan gliserol berasaskan sawit. Salah satu usahanya ialah menghasilkan kompleks mineral gliserolat.

Zink gliserolat adalah hasil sintesis garam zink atau zink oksida berserta gliserol dalam tekanan rendah dan suhu yang tinggi.

Teknologi sintesis zink gliserolat dan gliserol berasaskan sawit berdasarkan mikro gelombang memastikan hasil dan kualiti yang tinggi serta selamat digunakan.

Zink gliserolat mempunyai pelbagai kegunaan dalam pelbagai barangan kosmetik, bahan penjagaan diri, farmaseutikal, suplemen mineral surih dan juga sebagai pemangkin.

Zink gliserolat dalam industri kosmetik dan bahan penjagaan diri

Zink gliserolat terbukti mempunyai aktiviti anti bakteria, anti kulat, melindungi kulit daripada sinaran UV dari matahari dan

melegakan iritasi kulit.

Kajian anti bakteria menunjukkan zink gliserolat mampu membunuh bakteria berbahaya yang sering didapati pada kulit manusia seperti *Staphylococcus aureus*, *Escherichia coli*, *Staphylococcus epidermidis* dan *Propionibacterium acnes*.

Ia juga berupaya merencatkan pertumbuhan kulat seperti *Candida albicans* dan *Aspergillus niger*.

Apabila zink gliserolat digunakan dalam produk kosmetik yang mempunyai kandungan air yang rendah, ia mampu memanjangkan jangka hayat produk dan mengurangkan bahan pengawet.

Proses hidrolisis zink gliserolat dengan kelembapan kulit mampu memberi mineral surih zink dan telah dibuktikan oleh kajian serapan ion zink di Franz Diffusion Cell.



Barangan kosmetik daripada zink gliserolat berasaskan sawit.

Ia boleh digunakan bersama penapis ultra lembayung komersial untuk memberikan perlindungan kulit terhadap sinaran matahari.

Zink gliserolat dalam industri biodiesel

Zink gliserolat adalah pemangkin heterogenus yang sesuai dalam penghasilan ester metil atau lebih dikenali sebagai biodiesel.

Pemangkin pepejal ini mesra alam kerana boleh dikitar semu-

la. Penggunaan zink gliserolat untuk menggantikan natrium hidroksida dalam penghasilan ester metil mampu mengelakkan pembentukan sabun akibat kehadiran air dan asid lemak bebas dalam minyak.

Pemangkin jenis heterogenus ini boleh dipisahkan dari ester metil dengan mudah melalui proses penapisan dan mampu dijana semula dengan kehadiran gliserol yang terbentuk sebagai produk sampingan.

Dr Ramle Moslim diiktiraf saintis cemerlang MPOB 2015

» **Ketua Kumpulan Penyelidik Insect Biopesticide pakar bidang serangan serangga**

Oleh Mohd Zulhelmy Ismail
zulhelmy@mpob.gov.my

Putrajaya

Dr Ramle Moslim diiktiraf Saintis Cemerlang MPOB bagi tahun 2015 sempena Majlis Anugerah MPOB 2105 di sini, baru-baru ini.

Beliau menerima anugerah berkenaan daripada Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr. Choo Yuen May.

Anugerah Saintis Cemerlang adalah pengiktirafan kepada Pegawai Penyelidik MPOB yang telah mencapai kecemerlangan sains ke tahap kepakaran (authority) yang diiktiraf dalam bidangnya berdasarkan prinsip kecemerlangan sains dan impak kepada industri. Selain itu, anugerah ini juga dilihat mampu



Dr. Ramle Moslim menerima **Anugerah Saintis Cemerlang**.

memberi impak dan perubahan besar kepada industri sawit, khususnya dalam bidang penyelidikan.

Berkhidmat selama 23 tahun

Dr Ramle Moslim, 49, yang telah berkhidmat selama 23 tahun di MPOB adalah Pegawai Penyelidik

Prinsipal dari Bahagian Penyelidikan Biologi.

Beliau adalah pemegang Ijazah Kedoktoran (PhD) dalam bidang Insect Pathology dan Sarjana Sains Mikrobiologi, kedua-duanya dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian Per-

tanian daripada Universiti Putra Malaysia (UPM).

Memulakan kerjaya sejak tahun 1990 di MPOB, Dr Ramle Moslim adalah Ketua Kumpulan Penyelidik Insect Biopesticide yang berpengalaman luas dalam bidang serangan serangga dan sememangnya diperakui di pering-

kat kerajaan, kementerian dan industri.

Dr Ramle yang mempunyai minat penyelidikan dalam integrasi bahan kimia dan agen biologi untuk kawalan yang berkesan serangga perosak dan kesannya ke atas organisma bukan sasaran.

Beliau menjalankan pelbagai penyelidikan bagi pembangunan produk kawalan secara biologi berdasarkan kulat entomopathogenic (*Beauveria bassiana*, *Metarhizium anisopliae* dan *paecilomyces farinosus*) serta virus (*Oryctes nudivirus*) untuk mengawal serangga perosak sawit seperti kumbang badak (*Oryctes rhinoceros*), ulat bungkus (*Metisa plana*, *Pteroma pendula*), anai-anai (*Coptotermes curvignathus*) dan juga rama-rama (*Tirathaba rufivena*).

Teknologi kawal kumbang

Selain itu, beliau juga berjaya mengkomersialkan teknologi untuk pengeluaran dan formulasi kulat *M. anisopliae* bagi mengawal kumbang badak. Teknologi yang telah didaftarkan sebagai Ory-X ini telah diguna-pakai oleh FELDA Global Venture (FGV) di Pusat Perkhidmatan Pertanian Tun Razak, Sungai Tekam, Jerantut, Pahang.

Penerima Anugerah Kecemerlangan Sains Piala Pusingan Ketua Pengarah MPOB bagi tahun 2002, 2010 dan 2014 ini juga telah memfailkan sebanyak tiga paten yang mana dua daripadanya telah digerankan dan berjaya menghasilkan lebih 20 penerbitan di dalam jurnal dan 30 kertas prosiding, seminar dan tiga buah bab buku.



Kawi menunjukkan hasil tuaian dari ladang sawit miliknya.

Kawi enggan ketinggalan

Kawi Dollah, 60 tahun dari Kampung Seremang, Spaoh, Betong tidak mahu ketinggalan dalam arus pembangunan komoditi sawit dan membuat keputusan berhenti sebagai penyelia balak untuk berkecimpung dalam perusahaannya sawit pada awal tahun 1990-an.

Kawi juga bergiat aktif sebagai anggota Koperasi Penanam Sawit

Mampan Daerah Saratok sejak ditubuhkan pada 2014 sehingga kini.

Dari segi hasil, beliau telah didaftarkan sebagai ahli Kelab 30 Tan MPOB sejak tahun 2010 dengan hasil (33.47 tan/ha/thn), 2011 (34.51 tan/ha/thn), 2012 (31.65 tan/ha/thn), 2013 (32.2 tan/ha/thn) dan 2014 (38.69 tan/ha/thn).

Hasil pulangan daripada sawit serta menyediakan khidmat pe-

nyediaan kawasan kepada pekebun lain yang menguntungkan membolehkan beliau memiliki dua mesin jengkaut (Mark 1- HP 120 Hitachi & Kubota HP 30), sebuah lori 3 tan dan dua buah kenderaan pacuan empat roda (Ford Ranger 2.8 & Toyota Hilux 3.0).

Aset dimiliki Kawi hasil pulangan sawit membolehkan beliau

turut menceburi bidang keusahawanan sebagai kontraktor.

Beliau merasa puas kerana pengorbanan wang ringgit, masa dan tenaga yang dilaburkan untuk mengusahakan penanaman sawit, kini memberi pulangan menguntungkan buat diri dan keluarga.

Pembabitan beliau dalam penanaman sawit bermula melalui pemerhatian dan nasihat daripada rakan.

Secara berperingkat

Pembangunan kawasan dilakukan secara berperingkat dan kini keseluruhan keluasan tanaman sawit beliau mencapai keluasan 21.35 hektar. (1,332 pokok telah berhasil manakala 2,084 pokok belum mengeluarkan hasil).

Selain membeli sendiri anak benih tenera (DXP), beliau yang turut memperoleh bantuan Skim Bantuan Anak Benih Berkualiti (SBABB) daripada MPOB sejumlah 672 pokok pada tahun 2009.

Beliau melaksanakan amalan pertanian baik dengan pengurusan kebun secara sistematik, termasuk aktiviti penanaman, pembajaan, kawalan perosak sawit dan penuaian.

Beliau yang menghantar hasil buah tandan segar ke kilang SAPOM (Salcra Oil Palm Mill), Ma-

lupa Saratok, turut menyimpan rekod perbelanjaan, aktiviti dan hasil disimpan di dalam buku rekod ladang.

Menurut Kawi, rekod ladang amat penting dan wajib disimpan bagi memastikan perbelanjaan dapat diurus dengan teratur dan berhemah.

Beliau sering mendapatkan khidmat nasihat daripada pegawai TUNAS MPOB Cawangan Saratok untuk memperoleh maklumat mengenai teknologi terkini dalam penanaman dan pengurusan sawit.

Segala maklumat yang diperoleh dijadikan sebagai panduan dan diamalkan untuk meningkatkan kualiti pengeluaran hasil sawit.

Di samping itu, beliau tidak ketinggalan untuk menghadiri kursus seperti Kursus Sehari Sawit yang diselenggarakan oleh MPOB.

Di akhir sesi temubual, beliau turut menyatakan kesyukuran dengan penubuhan pejabat baru MPOB Cawangan Betong yang telah mula beroperasi pada September 2015.

Dengan wujudnya pejabat itu, akan memudahkan mendapatkan khidmat daripada pegawai TUNAS MPOB dengan jarak yang lebih dekat dengan tempat tinggal beliau.

Desakan EU mengenai minyak sawit mapan

» Belanda syor perkenal kawalan lebih ketat minyak sawit dieksport ke EU

Bagi tempoh enam bulan pertama 2016, kerusi Presiden Kesatuan Eropah (EU) yang disandang bergilir-gilir oleh negara anggota akan dipegang oleh Belanda.

Baru-baru ini, Presiden EU daripada Belanda itu memberikan beberapa petunjuk bahawa ia bercadang memperkenalkan kawalan yang lebih ketat ke atas minyak sawit yang dieksport ke EU.

Ini mungkin kali pertama Majlis Presiden EU menjadikan minyak sawit sebagai fokus strategik dalam agenda kemapanan mereka.

Pertama, dan sudah tentu mengenai agenda Belanda, ialah mengenai penggunaan minyak sawit yang disahkan mapan (Certified Sustainable Palm Oil or CSPO) dan isu pengambilannya yang terhad oleh pengilang dan pembeli



di Eropah.

Isu ini adalah kritikal kerana menyebabkan rasa tidak puas hati dalam kalangan pengeluar utama minyak sawit dunia. EU berperanan besar dalam perdebatan mengenai kemapanan minyak sawit.

EU adalah satu-satunya destinasi pasaran minyak sawit mapan yang kriterianya sudah dipersetujui NGO. Kebanyakan permintaan terhadap minyak sawit mapan ini berpunca daripada kesan kempen anti minyak sawit dan tindakan beberapa syarikat utama yang melabur dengan sejumlah besar dalam produk jenama mereka.

Namun penggunaan minyak sawit yang disahkan mapan di EU masih rendah - kira-kira 50% da-

ripada jumlah pengeluaran dunia dan harga pasarnya seperti tiada 'premium' walaupun membabitkan kos pengeluaran yang lebih tinggi berbanding minyak sawit yang tiada sijil mapan.

Usul polisi bersepadu

Bagaimanapun, terdapat usul polisi bersepadu baharu daripada negara anggota dan sektor swasta Eropah untuk meningkatkan penggunaan dan pengambilan minyak sawit mapan melalui penguatkuasaan beberapa peraturan baharu di EU.

Usul ini berjaya direalisasikan melalui pengisytiharan polisi baharu oleh United Kingdom (UK), Belanda, Jerman, Denmark dan Perancis serta beberapa organisasi berkaitan minyak sawit pada hujung tahun lalu.

Melalui pengisytiharan ini, mereka menandatangani komitmen untuk menggunakan '100% pengeluaran minyak sawit mapan pada 2020.'

Mereka juga mengusulkan agar Suruhanjaya Eropah mengadakan satu persidangan bagi negara anggota mengkaji isu ini dan pilihan polisi yang ada untuk diikuti. Perjanjian komitmen ini membuktikan keinginan politik dalam kalangan penggubal dasar dan ekonomi di Eropah terutama di negara Eropah Utara untuk memperkenalkan kawalan yang lebih ketat ke atas minyak sawit.

Belanda dilihat sebagai pendorong utama dalam pengisytiharan komitmen ini dan berkemungkinan besar Presiden Majlis Eropah daripada Belanda ini juga akan mengusulkan desakan baharu untuk mencapai matlamat perdagangan dan alam sekitar yang lebih luas.

Malah, Menteri Perdagangan Belanda dalam ucapannya pada Disember lalu mengumumkan bahawa Belanda akan merangka sokongan kepada sektor swasta yang mendesak matlamat lain yang tiada kaitan dengan perdagangan.

Ini bukan kali pertama kawalan perdagangan melalui peraturan baharu dengan matlamat meningkatkan pengambilan dan penggunaan minyak sawit mapan cuba diperkenalkan di EU.

Kali terakhir ketika Belanda menjadi Presiden EU, pengimpot minyak sawit Belanda melobi untuk mengurangkan tarif ke atas minyak sawit yang disahkan mapan - satu desakan yang jelas melanggar undang-undang perdagangan dan tidak disenangi oleh rakan perdagangan utama di Asia Tenggara.

Pengurangan tarif ini tidak pernah diluluskan atas sebab yang dinyatakan ini.

Baru-baru ini, cubaan yang lebih jahat melalui satu proses yang tidak telus dibuat untuk memperkenalkan peraturan (diskriminasi) baharu yang memihak kepada minyak sawit yang disahkan mapan. Dalam kes ini, cukai ke atas semua minyak sawit yang tidak disahkan mapan sudah dicadangkan di Itali pada lewat 2015 sebagai sebahagian daripada proses belanjawan Parlimen. Sekali lagi, cubaan sebegini tidak diluluskan.

Tiga inisiatif

Gesaan baharu yang diketuai oleh Presiden EU ini, dilihat berkait rapat dengan tiga inisiatif berasingan yang berkaitan dengan polisi perhutanan yang muncul sepanjang dekad lalu di Eropah. Ketiga-tiga perkara ini adalah:

● Inisiatif perolehan yang muncul sekitar tahun 2010 di UK yang diperkenalkan oleh Jabatan Alam Sekitar, Makanan dan Luar Bandar (DEFRA).

Inisiatif ini yang diterima baik oleh pengimpot minyak sawit mensasarkan semua minyak sawit yang dieksport ke UK mesti disahkan mapan menjelang 2015. Malangnya, inisiatif ini gagal mencapai sasaran lalu dibubarkan selepas tiga tahun ia diperkenalkan.

Inisiatif baru yang cuba diperkenalkan oleh Presiden EU ini dilihat mengguna pakai pendekatan yang hampir sama dengan DEFRA.

● Kedua, adalah inisiatif di Belanda yang diterajui Pasukan Tugas Belanda mengenai Minyak Sawit Mapan (Dutch Task Force on Sustainable Palm Oil) dan diketuai Lembaga Produk Belanda untuk Lelembak dan Minyak Sayuran (MVO).

Inisiatif ini mempunyai pendekatan yang sama seperti DEFRA di UK yang bertujuan menggunakan hanya minyak sawit yang disahkan mapan untuk pasaran Belanda. Walaupun ia inisiatif daripada sektor swasta, pasukan petugas ini bergantung kepada dana pembiayaan daripada kerajaan Belanda, Denmark dan Switzerland melalui Inisiatif Perdagangan Lestari atau IDH, satu organisasi di Belanda.

● Ketiga dan terpenting adalah Penguatkuasaan Undang-Undang Hutan, Program Perdagangan dan Tadbir EU (FLEGT) terutamanya yang berkaitan dengan 'kesahihan' produk kayu yang dieksport ke EU. FLEGT adalah program bernilai berjuta-juta dolar dengan dua dasar yang penting iaitu:

- Pengenalan peraturan 'usaha yang wajar' kepada pengimpot di Eropah. Pengimpot Eropah mesti di bawah ancaman hukuman undang-undang - menilai kesahihan mana-mana produk kayu yang mereka import.

- Penubuhan perjanjian perdagangan alam sekitar dikenali perjanjian perkongsian sukarela (VPA). Di bawah sistem VPA, kayu-kayuan hanya akan dieksport ke EU jika ia memenuhi piawaian tertentu yang sudah dipersetujui mengenai kesahihan, termasuk per-

aturan alam sekitar.

EU kini sedang menilai kemungkinan melanjutkan program FLEGT ini kepada komoditi lain yang diimport ke Eropah.

Ketiga-tiga dasar itu, serta pengumuman terbaharu di Belanda (oleh Menteri Perdagangan Belanda), menunjukkan EU dan negara anggota tertentu sedang mengambil tindakan serius mengenai kawalan perdagangan membabitkan alam sekitar.

Negara pengeluar minyak sawit memandang serius perkembangan ini dan usaha oleh Presiden EU untuk melaksanakan polisi berdasarkan senario ini akan mengakibatkan perselisihan dengan negara pengeluar minyak sawit yang juga rakan dagangan utama EU secara umum dan Belanda secara khususnya.

Piawaian kemapanan

Persoalan lebih besar ialah sama ada EU berada dalam situasi tepat untuk mempraktikkan langkah ini terutamanya ketika inisiatif polisi baharu sudah diambil oleh Malaysia dan Indonesia baru-baru ini. Kedua-dua negara ini memperkenalkan piawaian kemapanan yang disokong oleh kerajaan masing-masing untuk pengeluaran minyak sawit.

Piawaian kemapanan ini khususnya dari Malaysia mematuhi garis panduan piawaian kebangsaan serta norma Piawaian Perubuhan Antarabangsa (ISO).

Sebarang langkah oleh EU atau negara anggota yang mendesak penerimaan dan penguatkuasaan piawaian persendirian/swasta (iaitu yang tidak disokong oleh kerajaan) dan bukannya mengiktiraf piawaian yang dibangunkan dan diiktiraf oleh sebuah kerajaan yang berdaulat; akan memberi kesan yang buruk kepada dasar perdagangan Eropah dan perkembangan perdagangannya di negara pengeluar minyak sawit di Asia Tenggara.

Sebagai contoh, Kesatuan Eropah baru-baru ini mengumumkan strategi perdagangan baru yang dikenali sebagai 'Perdagangan untuk Semua'. Dasar ini menegaskan bahawa benua Asia memainkan peranan penting dalam perkembangan ekonomi di Eropah.

Namun, benua Asia dilihat sebagai tidak penting dalam dasar luar negara Kesatuan Eropah. Perjanjian perdagangan bebas di antara EU-Singapura sudah lama dimeterai kerana tiada perbalahan di dalamnya.

Malah, ia boleh dianggap sebagai satu perjanjian berbentuk pelaburan atau perkhidmatan. Manakala, rundingan perjanjian di antara EU-Vietnam disimpulkan pada Disember 2015; dan masih ada sekurang-kurangnya 18 bulan lagi untuk kajian undang-undang dan tempoh pengesahan.

(Artikel ini sudah disunting daripada artikel asal yang bertajuk, **The European Push for Sustainable Palm Oil**. Sila layari www.theoilpalm.org untuk mendapatkan salinan asal artikel ini)

Organised By: MPOC

1st Announcement

POINTERS

ON PRICE TRENDS

2016 MARKET DIRECTION - TWISTS AND TURNS OF PALM OIL PRICES

22 - 28 February 2016

Free Registration

Login at www.pointers.org.my

Spend that week to interact with the speakers

Papers to be discussed at the upcoming POINTERS

1	Global Oils and Fats Outlook 2016 Tan Sri Dato' Dr. Yusuf Basran CEO, Malaysian Palm Oil Council	6	Palm Oil Price Trends in Time of Low Energy Prices
2	G3 Soybean Outlook 2016 Mubli Ibrahim Hassan, Marketing & Market Development Manager Rina Mariati Geston, Market Analyst Americas Region Malaysian Palm Oil Council	7	El Nino - The Aftermath Ling Ah Hong Director, Gan Ling Sdn. Bhd.
3	Malaysian Palm Oil - Anticipating Better Palm Oil Prices (Production and Stock Analysis)	8	Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) Certification Guidelines and Updates
4	Technical Analysis and Palm Oil Price Outlook for First Half 2016 Barry Lee Chief Market Strategist Jupiter Securities Sdn. Bhd.	9	Biodiesel Policies and Its Impact on Palm Oil Prices Ir. Samsuddin Gany
5	War is ON "currency war" & its impact on commodities in 2016 Ali Muhammad Ikhwan ITC (India) Food Division - Edible Oils and Fats Procurement ITC, India	Cash reward for CPO price forecasting contest	

MPOC reserves the rights to change the speakers/programme contents when required by circumstances beyond the control of MPOC

Transformasi pekebun kecil akan bantu tingkat pendapatan

Industri sawit merupakan nadi ekonomi Malaysia. Dalam persekitaran global yang semakin mencabar, inisiatif strategik harus dilaksanakan untuk mengukuhkan ekonomi negara. Industri sawit harus ditingkatkan ke tahap lebih tinggi melalui penyelidikan dan inovasi serta teknologi baru kerana pembangunan industri sawit yang mampan dapat menyumbang transformasi ekonomi negara dan pembangunan ekonomi lebih pesat.

Kita memerlukan strategi dan program baru yang proaktif dan inovatif bagi menjamin produk berasaskan komoditi berupaya menajana pendapatan sebagai produk bernilai tambah tinggi dan berdaya saing di pasaran. Usaha dan strategi ini perlu dilihat dari sudut meningkatkan pendapatan para pengusaha tanaman komoditi terutamanya pekebun kecil.

Pada masa ini, hampir 40 peratus daripada keluasan tanaman sawit adalah diusahakan oleh pekebun kecil. Kita seharusnya melakukan anjakan paradigma dan perlu berusaha "to think in new boxes" bagi memastikan hala tuju sektor komoditi negara seperti yang ditetapkan dalam DKN 2011-2020 itu berjaya direalisasikan.

Kerajaan turut memperakui peranan yang dimainkan oleh para pekebun kecil sawit dalam membangunkan dan menambah baik sektor minyak sawit negara. Bagi memastikan aspirasi ini berjaya, Kerajaan telah mewujudkan skim khusus untuk membantu para pekebun kecil sawit persendirian iaitu Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK), Skim Tanam Baru Sawit Peke-



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 1 - PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Nur Athira Nabila Lukman
(No. K/P: 020403-01-1272)
Sekolah Tun Fatimah,
Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim

bun Kecil (TBSPK) dan Skim Diskaun CANTAS (SKIDIC).

Matlamat utama adalah untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil melalui penambahan keluasan tanaman sawit oleh pekebun kecil, penghasilan sawit yang tinggi serta bermutu tinggi dan peningkatan produktiviti penuaian buah sawit melalui mekanisasi.

Kerajaan pada masa ini sedang giat melaksanakan pelbagai program pembangunan yang membabitkan pekebun kecil sawit dengan tujuan untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup mereka. Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) melalui MPOB diberi mandat membantu dan membangunkan pekebun kecil sawit persendirian.

Di bawah program ini, bantuan disediakan, meliputi bekalan anak benih sawit berkualiti, input pertanian dan pengurusan tanaman mengikut Amalan Pertanian Baik bagi menjamin pengeluaran hasil sawit yang tinggi.

Penanaman semula pokok sawit tua dengan bahan tanaman baharu yang berkualiti tinggi menggunakan teknologi penanaman dan pengurusan terkini akan menjamin pengeluaran hasil buah tandan segar (BTS) yang tinggi. Pengeluaran BTS yang tinggi meningkatkan pendapatan pekebun kecil sekaligus menyumbang kepada pendapatan negara.

MPIC menganjurkan pelbagai program berkaitan pekebun kecil bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai kepentingan tanaman komoditi utama negara dan produk-produk berasaskan komoditi serta maklumat mengenai sawit untuk meningkatkan pendedahan dan kesedaran mengenai kewujudan kemudahan insentif, skim bantuan dan galakan yang disediakan oleh agensi-agensi di bawah MPIC bagi membantu meningkatkan hasil pengeluaran dan pendapatan pekebun kecil.

MPIC melalui MPOB telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan koperasi penanam sawit mampan pekebun kecil (KPSM) untuk memastikan pekebun kecil sawit mengeluarkan hasil sawit secara mampan dan dapat memenuhi keperluan masa kini dan masa depan tercapai.

KPSM menyatukan pekebun kecil supaya menjalankan aktiviti kebaikan bersama dan kualiti buah tandan segar (BTS) seperti meningkatkan pengeluaran, pembelian input secara berkelompok untuk mengurangkan kos dan penjualan BTS berkelompok mampu mendapatkan harga yang tinggi dan meningkatkan pendapatan ahli.

Kerjasama Malaysia-Indonesia akan mantapkan lagi industri sawit

Siapa sangka minyak sawit yang digunakan dalam pemakanan harian rakyat Malaysia selama ini sebenarnya telapun digunakan sejak zaman kegemilangan piramid lagi? Pengkaji sejarah telah membongkar satu penemuan penting bahawa kesan minyak sawit telah ditemui pada sebuah balang di dalam pusara berusia 5,000 tahun di Abydos, Mesir.

Ini merupakan satu fakta yang jelas dan menarik tentang penggunaan minyak sawit. Siapa sangka juga, kini Malaysia menjadi antara pengeluar minyak sawit utama dunia? Ini juga merupakan satu fakta yang tidak dapat disangkal sama sekali.

Selain Malaysia, terdapat beberapa negara lagi yang mengeluarkan minyak sawit seperti Thailand, Filipina, Papua New Guinea, Brazil, Columbia, Ghana, Liberia, Nigeria dan Uganda.

Pesaing utama Malaysia adalah Indonesia. Malaysia dan Indonesia secara kolektif menyumbang 85 peratus pengeluaran minyak sawit dunia.

Berdasarkan data yang dikeluarkan pada tahun 2015, minyak sawit adalah minyak sayuran yang paling banyak dihasilkan dan digunakan di dunia iaitu 90 peratus berbanding minyak sayuran lain seperti minyak soya, canola dan bunga matahari.

Sebagai pemain utama dalam industri minyak sawit di pasaran antarabangsa, kedua-dua negara menempuh pelbagai perjuangan yang panjang dan getir terutamanya daripada pihak yang ingin membunuh industri sawit.

Cabaran globalisasi ini sudah tentu tidak akan



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 2 - AWAM

Rizalman Kasman
(No. K/P: 750202-01-6899)
Taman Makmur, Kluang,
Johor Darul Ta'zim

berakhir di situ. Saingan sengit bukan setakat di antara pengeluar minyak sayuran sahaja, malah di kalangan negara-negara pengeluar minyak sawit sendiri.

Tindakan proaktif bagi melindungi kuasa eksklusif negara-negara pengeluar serta kestabilan harga produk minyak sawit di pasaran global perlu diwujudkan. Menyedari hakikat ini, Malaysia dan Indonesia mengorak langkah proaktif mengadakan kerjasama demi kelangsungan industri sawit di pasaran dunia.

Inisiatif sinergi itu berjaya direalisasikan pada 21 November 2015 apabila kedua-dua negara menandatangani Piagam Penubuhan Majlis Negara-Negara Pengeluar Minyak Sawit (CPOPC) yang diadakan semasa Sidang kemuncak ASEAN ke-27 di Kuala Lumpur.

CPOPC bertujuan menggalak, membangun dan mengukuhkan kerjasama dalam industri sawit di

kalangan negara anggota. Ini sejarah penting kepada masa depan tanaman komoditi dan diyakini dapat mengukuhkan imej industri sawit di peringkat global.

Penubuhan majlis ini bukan bertujuan menjatuhkan pengeluar minyak sayuran lain, tetapi untuk melonjakkan lagi industri ini serta berpadu tenaga dalam menangani sentiment anti minyak sawit yang masih belum berkesudahan sehingga kini.

Kerjasama dua negara yang dapat berkongsi kepakaran dalam segala aspek berkaitan sawit akan dapat memberi manfaat positif.

Pertamanya dalam aspek teknologi, penyelidikan dan kajian kesihatan kesan dari penggunaan minyak sawit, sudah tentu semua dakwaan tidak berasas tentang minyak sawit menyebabkan barah dapat ditangkis dengan bukti-bukti ilmiah yang kukuh. Bukan itu sahaja, malah mungkin banyak jenis penyakit dapat disembuhkan.

Kedua, kerjasama ini bakal memberi suntikan baru dalam penghasilan produk bersifat komersial berasaskan sawit. Industri sawit akan terus berkembang dengan bantuan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dijalankan.

Bagi memastikan R&D dapat dilaksanakan, kedua-dua negara akan berusaha menyuntik dana yang besar. Sehingga kini sahaja bahan sawit telah berjaya digunakan dalam penghasilan tenaga baru seperti biojisim dan biodiesel serta menghasilkan produk kosmetik serta kegunaan harian.

PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT BULAN FEBRUARI 2016

Peraduan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu pelajar sekolah menengah dan awam di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Kategori 1: Pelajar Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 5)

Tajuk: "Program turun padang anjuran MPIC dan MPOB tingkat pengetahuan berkaitan sawit. Bincangkan".

Kategori 2: Awam

Tajuk: "Minyak sawit mampan, masa depan industri lebih terjamin. Bincangkan".

Tiga pemenang utama setiap kategori akan menerima;

⊙ Hadiah Pertama : RM250

⊙ Hadiah Kedua : RM200

⊙ Hadiah Ketiga : RM150

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan Mac 2016 akan datang.

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Disember 2015

PEMENANG KATEGORI 1
Pelajar Sekolah Menengah

Hadiah Pertama
Nur Athira Nabila Lukman
(No. K/P: 020403-01-1272)
Sekolah Tun Fatimah
Johor Bahru, Johor

Hadiah Kedua
Norsyazwina Hassan
(No. K/P: 020211-08-1110)
SMK Sg. Besar,
Sg. Besar, Selangor

Hadiah Ketiga
Muhammad Khairul Zaki
Mat Arsad
(No. K/P: 990522-01-7631)
SMK Tengku Mahmud Iskandar
Sungai Mati, Ledang, Johor

PEMENANG KATEGORI 2
Awam

Hadiah Pertama
Rizalman Kasman
(No. K/P: 750202-01-6899)
Taman Makmur, Kluang,
Johor Darul Ta'zim

Hadiah Kedua
Lukman Mohamed Salleh
(No. K/P: 681113-01-5273)
Simpang Kiri, Batu Pahat, Johor

Hadiah Ketiga
Sarveswaran oillai
a/1 Chandra Segaran
(No. K/P: 910511-05-5437)
Taman Labu Jaya
Jalan Sungai Ujong, Seremban
Negeri Sembilan

Syarat Penyertaan

- ⊙ **Kategori 1:** Terbuka kepada pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5
- ⊙ **Kategori 2:** Terbuka kepada dewasa berusia 18 tahun ke atas dan bukan kakitangan MPOB
- ⊙ Panjang esei antara 500 - 700 patah kata
- ⊙ Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah (Kategori 1 sahaja), alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan sertakan sekeping gambar ukuran pasport
- ⊙ Keputusan juri adalah muktamad
- ⊙ Tarikh tutup penyertaan ialah pada 23 Februari 2016
- ⊙ Hantarkan penyertaan ke alamat:
Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)



Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas bersama Ketua Setiausaha MPIC, Datuk Dr Sundaran Annamalai, Pengerusi MPOB, Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May ketika melawat pameran yang diadakan sempena **Palm Oil Economic Review and Outlook Seminar 2016**.



Datuk Amar Douglas Uggah Embas menyampaikan sijil Amalan Pertanian Baik (GAP) kepada pekebun kecil sawit sambil diperhati Adun Beting-Maró, Razaili Gapor dan Ketua Setiausaha MPIC, Datuk Dr Sundaran Annamalai. Penyampaian sijil diadakan sempena **perasmian Program Hello Komoditi Pusa, Betong, Sarawak**.



Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Datuk Dr. Sundaran Annamalai bersama-sama pekebun kecil dan orang ramai hadir di **majlis perasmian Hello Komoditi Pusa, Betong**. Turut hadir adalah Ketua-ketua Pengarah agensi di bawah MPIC.



Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Alfred Jabu Numpang mendengar penerangan mengenai tandan sawit daripada Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May ketika melawat **pameran MPOB sempena Program Sejiwa Senada**.



Pengerusi MPOB, Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May bersama-sama Timbalan Ketua Pengarah (R&D), Dr. Ahmad Kushairi Din, Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan), Mohamad Nor Abdul Rahman, Pengarah-pengarah Bahagian dan Pegawai Kanan MPOB yang hadir pada **Program MPOB Senior Management Retreat di Melaka**.

